

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

NEGERI SEMBILAN INTERNATIONAL EXPOSITION (NSIEX) 2024: PACU INOVASI

¹Nurain Aziman, ²Norliza Dzakarria

¹Pusat Pengajian Teknologi Industri, Fakulti Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

²Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Dalam era digital yang semakin mencabar dan pantas berkembang, Seksyen Perundingan dan Inovasi Pejabat Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), UiTM Cawangan Negeri Sembilan sekali lagi telah berjaya menganjurkan pertandingan inovasi secara dalam talian untuk kali ketiga iaitu **NEGERI SEMBILAN INTERNATIONAL EXPOSITION (NSIEX) 2024**. Program ini merupakan sebuah platform berskala antarabangsa yang menghimpunkan institusi pendidikan awam dan swasta (IPTA/IPTA serta pelajar-pelajar sekolah), sektor industri, dan agensi kerajaan dari dalam dan luar negara untuk mempamerkan idea serta ciptaan baharu secara maya.

Program yang berlangsung secara atas talian dari 1 Jun 2024 hingga 10 Oktober 2024 telah menarik penyertaan sebanyak 353 kumpulan dan 159 kumpulan daripadanya adalah penyertaan dari sekolah rendah, menengah serta kolej vokasional. Dengan bertemakan "Nurturing Creativity Through Research, Technology & Social Innovation" peserta diminta membentangkan idea serta projek inovatif mereka secara dalam talian melalui penghantaran abstract (untuk pelajar sekolah) dan extended abstract (selain pelajar sekolah) serta video pembentangan. Pertandingan ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu Junior Inventor (pelajar sekolah), Young Inventor (pelajar universiti, kolej, matrikulasi dan politeknik) dan Professional Inventor (pensyarah, penyelidik dan pengamal industri). Penilaian telah dijalankan sepenuhnya secara atas talian oleh panel penilai yang terdiri daripada ahli akademik, pakar industri dan wakil agensi inovasi negara. Antara aspek yang dinilai termasuk kebaruan idea, potensi aplikasi, impak sosial serta tahap kesiapan untuk dikomersialkan.

Program ini juga merupakan salah satu strategi yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dengan penumpuan kepada pensyarah dan pelajar serta kolaborasi di kalangan penyelidik. Strategi ini akan dapat dicapai melalui peningkatan kualiti penyelidikan dan penerbitan, penyebaran maklumat berkaitan penemuan kajian, pemindahan teknologi dan pengkomersilan produk hasil penyelidikan. Oleh itu, program ini diadakan bertujuan untuk menyediakan platform untuk pendedahan dan mengetengahkan hasil penyelidikan di kalangan pensyarah, pelajar universiti, sekolah menengah dan rendah serta badan kerajaan dan swasta, perkongsian maklumat tentang pengkomersilan produk serta kesedaran hak harta intelek di kalangan penyelidik serta membudayakan aktiviti penyelidikan di kalangan di kalangan pensyarah, pelajar universiti, sekolah menengah dan rendah serta badan kerajaan dan swasta bagi melahirkan generasi yang celik sains, teknologi dan inovasi.



Gambar 1: Poster Hebahan NSIEX 2024.

Menurut Dr. Nurain Aziman selaku Pengarah Program NSIEX 2024, pertandingan secara maya ini bukan sahaja menjimatkan kos dan masa, malah memperluas penyertaan tanpa sempadan geografi.

"Format dalam talian membolehkan kita menyaksikan pelbagai penyertaan berkualiti tinggi dari seluruh negara, bahkan dari luar negara. Ia membuktikan bahawa inovasi tidak terbatas kepada fizikal, tetapi bergantung kepada kreativiti dan semangat," ujarnya.

Senarai nama pemenang mengikut kategori telah diumumkan di dalam Majlis Perasmian Penutup secara rakaman dan kemudiaannya telah dimuat naik ke saluran YouTube rasmi universiti pada 10 Oktober 2024. Majlis Perasmian Penutup tersebut telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Yamin Yasin, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Semua peserta telah menerima e-sijil, manakala semua pemenang telah menerima e-sijil dan juga medal sebagai pengiktirafan kepada usaha dan kecemerlangan mereka. **Pertandingan Inovasi Secara Dalam Talian** ini menjadi bukti bahawa semangat inovasi mampu diteruskan walau dalam apa jua keadaan, dan teknologi mampu menjadi jambatan kepada kerjasama, penemuan dan kemajuan tanpa batasan.



Gambar 2: Majlis Perasmian Penutup NSIEx 2024 melalui saluran You Tube.



Gambar 3: Ucapan Perasmian Penutup NSIEx 2024 oleh Prof. Dr. Yamin Yasin, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan